



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KARNIVAL PERPADUAN MIRI 2024: MENJULANG PENYATUAN DAN KEPELBAGAIAN BUDAYA

MIRI, 22 Jun 2024 – YB Dato Sri Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara hari ini merasmikan Karnival Perpaduan Miri bersempena dengan Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2024. Karnival ini merupakan satu platform yang mengetengahkan semangat perpaduan dan kesejahteraan hidup masyarakat berbilang kaum, agama, dan budaya di Malaysia selaras dengan tema 'Perpaduan Dalam Kepelbagaian'.

"Karnival ini adalah **platform terbaik untuk menonjolkan perpaduan serta kesejahteraan hidup masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya di Malaysia**. Ia sekali gus **mendidik masyarakat mendalami dan menghayati nilai perpaduan** yang telah dikecapi sejak negara mencapai kemerdekaan," ujar YB Dato Sri Aaron Ago Dagang.

Sambutan Minggu Perpaduan merupakan **program utama di bawah kluster Semarak Perpaduan yang bertujuan untuk menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap kepelbagaian adat dan budaya dalam masyarakat Malaysia**.

Beliau menambah, "melalui program sebegini, **masyarakat pelbagai kaum dapat mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat** lagi khususnya berkaitan adat dan budaya pelbagai etnik di negara ini. SMP mampu menjadi **wadah perpaduan dan tapak integrasi baharu yang berkesan sehingga ke peringkat akar umbi untuk memperkuuh sekali gus mengeratkan hubungan masyarakat dalam usaha memelihara ekosistem perpaduan."**

YB Dato Sri Aaron Ago Dagang juga menyeru agar **momentum kerjasama yang terbina menerusi siri jelajah SMP 2024 diteruskan ke Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM)** yang akan bermula pada Ogos sehingga September 2024 ini. Kementerian Perpaduan Negara menerusi agensi dibawahnya turut merancang **16 program utama sempena HKHM** seperti Konvoi Perpaduan dan Kenali Budaya Kita, Majlis Memperingati Negarawan, Konvensyen Sekretariat Rukun Negara, Kembara Merdeka Anak Malaysia, Semarak Muzium Sungai Lembing, Program Bermalam di Muzium, Sambutan Anak Merdeka, Konvensyen Sejarah dan Perpaduan Nasional serta Kem Anak Malaysia.

"Keharmonian perlu dipelihara, dipupuk dan diterapkan dalam diri bermula daripada diri sendiri dan kemudian diwariskan kepada generasi seterusnya. Kita semua perlu ingat, **setiap daripada kita bertanggungjawab dan berperanan dalam menjaga keharmonian, kedaulatan, keamanan dan keselamatan negara yang dicintai**," katanya.

Kementerian Perpaduan Negara

22 Jun 2024

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my